

# UNIMAS menang anugerah di Mongolia

**K**UCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengharumkan nama negara apabila merangkul anugerah pada pertandingan Ecopreneur 2012 di Mongolia.

Menurut kenyataan media unit komunikasi korporat universiti itu, UNIMAS yang diwakili Dr Azham Zulkharnain menerima Anugerah CEO kerana memperkenalkan pe-

lan perniagaan bagi perkhidmatan rawatan air kepada kilang pemprosesan sagu.

Projek bersama Fakulti Ekonomi dan Perniagaan serta Fakulti Sains dan Teknologi Sumber itu diketuai Dr Zainab Ngaini dan dianggotai Profesor Madya Dr Nazlina, Nordiana Ahmad Nordin serta dua pelajar iaitu Mohd Ismail Salim dan Vannessa Lawai, yang pernah me-

menangi anugerah pada Ekspo R&D UNIMAS 2012.

UNIMAS bersama 26 kumpulan lain dari 22 negara mengambil bahagian dalam pertandingan itu, bermula 16 Jun lalu dan berakhir semalam.

Pertandingan itu bertujuan mengetengahkan ciri inovasi produk mesra alam dan pada masa sama, menguntungkan.

*22 Jun 2012  
UTUSAN SARAWAK*